

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Permasalahan kajian

Aktiviti penanaman padi merupakan kegiatan ekonomi yang tertua di Thailand. Sejak dari kerajaan-kerajaan awal lagi, petani Thailand telah berkecimpung dengan tanaman padi sebagai kegiatan ekonomi utama mereka. Kiasan dalam abad ke-13, iaitu pada zaman kerajaan Sukhotai berbunyi "*Nainam mi pla naina mi kau*" yang bermaksud "Dalam air ada ikan, dalam sawah ada padi" jelas menunjukkan bahawa penanaman padi adalah kegiatan tradisi penduduk Thailand.¹

Tanaman padi masih merupakan tanaman makanan utama penduduk negara ini. Kenyataan ini dapat dilihat dari segi keluasan kawasan pertanian negaranya. Dengan melihat kepada sektor pertanian dalam kategori tanaman, jelas Thailand lebih mengutamakan tanaman padi berbanding dengan tanaman yang lain. Dalam statistik tahun 1992, sektor penanaman padi mengambil tempat seluas 60,453,000 rai atau 15,304,556 ekar.

Keluasan tersebut adalah meliputi 55.3% dari kawasan pertanian di Thailand.²

Hasil tanaman ini bukan sahaja sebagai tanaman makanan, tetapi juga sumber pendapatan ekonomi negara. Dalam tahun 1991, pengeksportan beras Thailand mencapai 44.321 juta metrik tan atau 22% dari ekport beras dunia. Negara ini menduduki tempat ke-5 negara pengeluar beras dunia selepas China, India, Indonesia dan Bangladesh.³ Sehingga ke hari ini, penanaman padi masih menjadi komoditi yang penting bagi Thailand seperti yang diumpamakan oleh D. Davies sebagai 'Rice-bowl of Asia'.⁴ Penanaman padi di Thailand adalah aktiviti pertanian yang menyeluruh terutama di Bahagian Tengah, Utara dan Timur Laut. Malah di mana terdapatnya sumber air dan keadaan tanah yang mengizinkan, kaum tani Thai akan mengerjakan tanaman padi.⁵ Sebelum abad ke-19, keperluan air untuk tanaman padi dibuat dengan teknologi yang mudah. Ini termasuklah penggunaan pam pusing kayu yang dikerjakan dengan kaki untuk memusing roda besar yang mempunyai penyodok untuk mencedok air. Selain itu sistem empangan juga telah dibuat dengan cara menyekat aliran sungai. Dari empangan ini, akan dibuat saluran kecil untuk menyalirkkan air ke kawasan sawah. Menjelang tahun 1880-an barulah kerja-kerja pengairan moden bermula dengan kewujudan Skim Ransit di timur laut Bangkok. Skim ini dilancarkan oleh Jabatan Pengairan Diraja Thailand (Royal Irrigation Department

[RID]).⁶

Menjelang tahun 1950-an, kerajaan Thailand telah menguatkan lagi polisi hasil padi negaranya sebagai sumber pendapatan utama negara. Antara usaha yang dijalankan adalah membina sistem pengairan moden yang berskala besar. Salah satu dari usaha tersebut adalah pembinaan 'Greater Chou Phraya Project' di Menam (Sungai) Chao Phraya. Antara projek-projek dalam rancangan ini adalah pembinaan empat empangan mega, iaitu dua dibina merentasi Sungai Chao Phraya dan dua di cawangannya. Empangan Chainat (1957) yang kemudian dinamakan Empangan Chao Phraya telah dibina dengan peruntukan sebanyak US\$18 juta merentangi Sungai Chao Phraya. Empangan Yanhee (tahun 1964 ditukar nama sebagai Empangan Bhumipol) yang merupakan struktur empangan terbesar di Asia Tenggara dan ketujuh terbesar dunia. Empangan ini telah menelan belanja sebanyak US\$100 juta dengan US\$66 juta daripada Bank Dunia dan selebihnya daripada sumber-sumber lain. Manakala di cawangan Sungai Nan dibina Empangan Sirikit (1972) dan Empangan Khiu Lom (1981) di cawangan Sungai Wang.⁷ Selain empangan tersebut, Thailand juga telah mewujudkan Projek Pengairan Sungai Meklong, Skim Pengairan Sungai Mun di Tenggara Dataran Tinggi Korat. Selain skim pengairan empangan, terdapat juga skim pengairan tangki yang dibina di kawasan Timur Laut yang siap dalam tahun-tahun 1960-an.⁸

Projek-projek pengairan ini, selain untuk tujuan pengairan, juga untuk pengawalan banjir serta perhubungan. Dengan adanya sistem pengairan ini, kawasan penanaman padi yang lebih luas dapat dilaksanakan dengan bekalan air dapat disalurkan dalam musim kemarau. Hasilnya, kawasan penanaman padi Thailand telah bertambah luas seperti kawasan Dataran Tengah telah meningkat dari 35% pada tahun 1964 kepada 55% dalam tahun 1970.⁹

Walaupun penanaman padi merupakan sektor yang penting, tidak bermakna ia tidak mempunyai masalah. Dalam jangkamasa dua dekad kebelakangan ini, keluasan tanaman padi di Thailand telah menurun dan secara langsung hasilnya juga menurun. Ini dapat dilihat berlakunya penurunan keluasan kawasan bertanam dari 80,038 rai dalam tahun 1983/84 kepada 56,581 rai dalam tahun 1991/92.¹⁰ Untuk mengatasi masalah ini, penanaman padi perlu ditingkatkan dengan amalan teknologi moden. Mulai tahun-tahun 1970-an negara-negara Asia Tenggara, termasuk Thailand telah menerima pakai teknologi pertanian moden secara meluas dengan memperkenalkan input-input kimia seperti baja, racun dan benih bermutu tinggi (High Yielding Varieties [HYV]). Teknologi pertanian moden ini, dengan bantuan sistem-sistem pengairan telah berupaya meningkatkan keluaran padi negara tersebut:

In Southeast Asia countries, especially in Thailand, this technology has been widely disseminated since the

1970s, along with the introduction of industrial input as chemical fertilizer, pesticides, herbicides, and high-yielding varieties of rice that inevitably accompany the systematic introduction of modern irrigation schemes.¹¹

Kesan peningkatan hasil padi ini terbukti. Walaupun keluasan kawasan menurun, tetapi hasilnya telah meningkat iaitu dari 19,549,000 tan dalam tahun 1983/84 kepada 20,400,000 tan dalam tahun 1991/92. Peningkatan juga terjadi dari segi hasil berbanding dengan keluasan tanah yang dikerjakan. Ini ternyata dari 326 kg/rai dalam tahun 1983/84 menjadi 361 kg/rai dalam tahun 1991/92.¹² Dengan penggunaan benih HYV yang lebih pendek tempoh matangnya, penggunaan baja, racun dan sistem pengairan yang sistematik, sistem penanaman padi kaunaprang (dua kali setahun) telah dapat dilaksanakan.

Secara keseluruhannya, pengeluaran padi Thailand telah meningkat, tetapi penggunaan teknologi moden oleh kaum tani tidak menyeluruh. Penggunaan teknologi moden ini lebih tertumpu di kawasan-kawasan untuk tujuan pasaran sahaja seperti di Dataran Tengah dan beberapa kawasan di Bahagian Utara, Timur Laut dan sebahagian kecil di Bahagian Selatan. Kebanyakan padi yang diamalkan di kawasan-kawasan pengeluaran untuk saradiri tidak begitu menerima semua teknologi ini. Kaum tani masih lagi menggunakan kaedah tradisional di mana sumber tanaman padi bergantung kepada air hujan (rain-fed).

Dengan itu penanaman padi semusim dalam setahun sahaja (*kaunapi*) yang dapat dijalankan.

Kaum tani yang mengamalkan penanaman sekali setahun ini lazimnya untuk tujuan saradiri dan ditanam oleh kaum tani di kawasan yang tidak terdapat sistem pengairan moden. Dengan ini pengeluaran padi di Thailand boleh dibahagi kepada dua sektor iaitu sektor komersial dan sektor saradiri. Penanaman padi sektor saradiri lebih tertumpu di Bahagian Utara, Timur Laut dan Selatan. Lebih dari separuh dari kaum tani Thailand terutama di bahagian-bahagian Utara, Timur Laut dan Selatan menanam padi hanya untuk kegunaan menampung keperluan makanan keluarga sahaja:

Rice production in Thailand is divided into two sectors. The subsistence sector is most common in northern, north-eastern and southern provinces. Slightly more than half the number of peasants in this regions raise only enough rice to feed themselves and their families.¹³

Oleh kerana tanaman padi yang dikerjakan tidak dijual di pasaran, maka kegiatan ini tidak mendatangkan sumber pendapatan kepada kaum tani. Sumber pendapatan utama masyarakat tani yang mengamalkan penanaman padi saradiri datangnya dari kegiatan-kegiatan lain, sama ada dari sektor pertanian atau bukan pertanian. Robert L. Pendleton mendapati hanya 45.7% dari semua petani di Thailand

bergantung hidup kepada penanaman padi di mana mereka mendapat sumber pendapatan hasil dari penjualan padi. Manakala selebihnya mendapat sumber pendapatan utama melalui penjualan hasil tanaman lain seperti buah-buahan, getah dan kapok:

In the light the overwhelming position of rice on virtually all Thai farms, it is surprising to discover that only 45.7 per cent of all farmers had income the sale of rice. Actually more farmers - 51.6 per cent reported income from the sale of tree crops (fruits, rubber, kapok, others) than from padi.¹⁴

Fokus kajian ini adalah mengenai aktiviti penanaman padi saradiri yang dilakukan oleh masyarakat luar bandar di Selatan Thailand, khususnya masyarakat Melayu. Walaupun padi hanya ditanam sebagai kegiatan subsisten tetapi bagi mereka, juga seperti masyarakat lain di Asia Tenggara memberi keutamaan kepada padi sebagai penyumbang makanan utama kepada mereka dari dahulu hingga sekarang. Padi menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka, malah kehidupan mereka juga turut disusun mengikut tahap tumbesaran tanaman tersebut. Situasi ini boleh dilihat dari corak pekerjaan sumber pendapatan di samping menjalankan aktiviti penanaman padi. Sumber pendapatan mereka adalah menoreh getah, mengambil upah, berniaga dan sebagainya, manakala penanaman padi hanya untuk kegunaan sendiri dan keluarga sahaja.

Beberapa orang sarjana seperti Raymond Firth, Redfield, Shanin dan Wolf mendefinisikan masyarakat yang membuat pengeluaran hasil pertanian dalam corak saradiri seperti ini sebagai petani yang dapat dibezakan dengan peladang. Menurut Firth, petani atau yang disebutkan sebagai peasant adalah;

Small scale producers with simple technology and equipment and often relying primarily for subsistence on what they themselves produce.¹⁵

Definisi Robert Redfield;

Small scale producers who depend on agriculture as their livelihood and agriculture is taken as a way of life and not as business for profit.¹⁶

Eric Wolf mendefinisikan petani sebagai;

...agricultural producer who retains effective control of land, who aims at subsistence, not at reinvestment ...whose surpluses are transferred to a dominant group of rulers that uses the surpluses both to underwrite its own standard of living and to distribute the remainder to groups in society that do not farm but must be fed for their specific goods and services.¹⁷

Teodor Shanin juga mendefinisikan petani sebagai;

Small scale producers who, with the help of the labour of their families, produce for their own consumption and

for the fulfilment of obligations to the holders of political and economic power.¹⁸

Secara umumnya definisi-definisi ini menjelaskan petani sebagai masyarakat yang melakukan pengeluaran secara kecil-kecilan dan mereka bergantung hidup kepada pertanian. Pertanian merupakan cara hidup mereka dan lebih menitik beratkan keperluan yang cukup untuk ahli keluarga bukannya sebagai aktiviti perniagaan untuk mendapat keuntungan.

Hampir semua definisi yang diberikan mengenai masyarakat tani ini boleh dianggap sebagai keadaan asal masyarakat tani luar bandar. Di sebaliknya, oleh kerana arus perubahan dan proses transformasi yang dialami oleh masyarakat tani hasil dari intergrasi komuniti ke dalam struktur ekonomi pasaran, maka sekarang mereka sudah hilang sebahagian daripada ciri-ciri lengkap tradisionalnya.

Jadi, sebenarnya masyarakat tani yang masih wujud pada hari ini hanya dianggap sebagai satu *approximation* kepada konsep atau definisi masyarakat tani yang unggul. Dalam hal ini, adalah lebih tepat jika masyarakat tani dianggap sebagai "satu proses" dan bukannya "satu jenis sosial".¹⁹ Ini bermakna bahawa definisi petani yang klasik menggambarkan ciri-ciri petani dalam keadaan asalnya tetapi kemudiannya mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Ini dapat diperhatikan dari perubahan alat-alat yang digunakan

dari tradisional atau ringkas kepada teknologi moden seperti penggunaan jentera untuk membajak sawah. Walaupun begitu para petani ini pada dasarnya tidak menggunakan semua teknologi moden yang disebarluaskan.

1.2 Objektif kajian

Tujuan umum kajian ini adalah untuk melihat keadaan masyarakat tani Melayu di Selatan Thailand dan hubungan dengan tanaman padi yang mereka kerjakan. Perhubungan ini dapat dilihat dalam peranan tanaman tersebut dalam aspek ekonomi dan sosial masyarakat. Dalam mencapai tujuan ini beberapa aspek telah dikenalpasti sebagai objektif kajian.

Objektif pertama adalah untuk melihat dengan lebih jelas keadaan masyarakat Melayu luar bandar di Selatan Thailand. Objektif ini akan memberi fokus terhadap latar belakang masyarakat Melayu dalam sebuah *mubaan* di dalam *Changwat Narathiwat*. Penelitian akan dibuat terhadap corak kehidupan fizikal, seperti keadaan keluarga, isirumah dan susunlapis anggota masyarakat. Objektif ini juga akan meliputi dimensi spiritual anggota masyarakat seperti sikap, nilai, kepercayaan dan pemikiran mereka tentang kehidupan bermasyarakat.

Selain dari melihat kepada latar belakang komuniti itu sendiri, keadaan sosioekonomi masyarakat juga akan diperhatikan. Antara lain, melihat kepada tenaga kerja dan

struktur pekerjaan, status pemilikan dan pengeraian tanah. Status ini akan menentukan sistem penyewaan tanah orang lain yang mereka kerjakan. Dengan adanya sistem seperti ini, sedikit lebih pengeluaran diserahkan kepada pemilik tanah bagi pembayaran sewa tanah (pawah). Selebihnya disimpan untuk upacara keramaian, zakat dan bagi tujuan pengeluaran pada musim akan datang.

Seperti kebanyakan masyarakat luar bandar di Asia Tenggara, sumber pendapatan utama penduduk di sini adalah dalam bidang pertanian, yang mana kebanyakannya menoreh getah. Walau bagaimanapun, terdapat juga anggota masyarakat yang tidak bergantung kepada kerja-kerja pertanian sebaliknya mendapat sumber pendapatan dengan cara makan gaji dan berniaga. Sungguhpun setiap keluarga di dalam komuniti ini mempunyai sumber pendapatan masing-masing, tetapi dalam masa yang sama mereka juga menanam padi. Tanaman ini bukan untuk tujuan pasaran (sumber pendapatan) tetapi untuk tujuan saradiri. Aktiviti penanaman padi telah menjadi mustahak sebagai penjamin sumber kehidupan keluarga mereka sejak dahulu lagi.

Objektif kedua adalah untuk melihat kegiatan penanaman padi yang dilakukan oleh komuniti di sini. Aktiviti penanaman secara fizikal dan spiritual akan diperjelaskan. Konsep tradisional masih lagi memainkan peranan yang penting dalam budaya penanaman padi yang diamalkan. Konsep

tradisional inilah yang membolehkan aktiviti penanaman padi terus kekal dalam kegiatan ekonomi mereka. Objektif ini untuk melihat prosedur yang dilakukan dalam beberapa peringkat penanaman, iaitu penyemaian benih, penyediaan petak sawah, memindah semaian dan menuai hasil. Tumpuan juga akan diberikan kepada peralatan dan jentera yang digunakan.

Selain dari aktiviti dan prosedur fizikal yang diamalkan di dalam penanaman padi, objektif ini juga untuk melihat aspek spiritual merangkumi ritual dan pantang larang yang terlibat. Tanaman padi merupakan tanaman makanan utama serta menjadi tempat bergantung hidup, tidak hairanlah wujudnya harapan, rasa pergantungan kaum tani terhadap tanaman padi yang mereka kerjakan. Aspek penjagaan secara spiritual ini diamalkan untuk melahirkan perasaan dan harapan mereka terhadap tanaman ini. Mereka percaya bahawa adanya semangat dan penunggu seperti 'penjaga padi' dan 'penjaga bendang' yang perlu dipujuk supaya tidak mengganggu tanaman padi. Dengan demikian setiap peringkat penanaman perlu didahului oleh upacara-upacara tertentu untuk menjaga tanaman padi supaya membawakan hasil seperti yang diharapkan.

Objektif terakhir adalah untuk melihat peranan penanaman padi dalam kehidupan masyarakat tani Melayu di *mubaan* ini. Peranan yang paling mustahak adalah sebagai penyumbang kepada sumber makanan. Hasil padi yang diperolehi tidak akan dijual sebaliknya akan disimpan untuk kegunaan

sendiri. Dengan adanya bekalan padi yang dikeluarkan sendiri, ini bermakna asas makanan sudah cukup dan sumber pendapatan hanya perlu bagi membeli lauk-pauk sahaja.

Selain itu, aktiviti penanaman padi juga mula menjadi sebagai penyumbang kepada sumber pendapatan sampingan. Pendapatan ini diperolehi dari kegiatan mengambil upah seperti membajak sawah, memindah semaihan dan juga menuai. Kegiatan upahan ini walaupun tidak begitu meluas tetapi ia telah membuka peluang pekerjaan kepada kaum wanita selaku surirumah sepenuh masa. Dengan terbukanya peluang tersebut bermakna aktiviti ini juga telah memberi sumber pendapatan kepada surirumah yang selama ini boleh dikatakan sebagai tenaga kerja yang tidak ekonomik. Peluang sumber pendapatan dari mengambil upah menanam padi ini dicari sehingga ke negara lain seperti Malaysia.

Peranan aktiviti penanaman padi dalam aspek sosial pula adalah perhubungan antara anggota masyarakat dapat dipereratkan. Keadaan ini dapat dinilai dalam penggunaan tenaga buruh luar isirumah. Penggunaan tenaga buruh ini berkaitan dengan budaya hidup masyarakat tani yang saling membantu. Antaranya, semangat gotong-royong, bekerjasama dan perasaan kekitaan yang menjadikan aktiviti ini terus hidup dalam masyarakat luar bandar. Walaupun pada hari ini tenaga buruh upahan mula mendapat tempat dalam aktiviti penanaman padi, tetapi ia masih tidak dipraktiskan dengan meluas di

kebanyakan kawasan luar bandar di Asia Tenggara. Penggunaan tenaga buruh upahan ini hanya mempunyai kaitan dengan sosioekonomi sesebuah keluarga itu sahaja seperti pemilikan tanah, kuasa dan kekayaan.

1.3 Kawasan kajian

Secara sepantas lalu, adalah sangat mustahak untuk ditinjau kawasan yang menjadi tumpuan kajian ini. Sebuah tambon atau mukim telah dipilih kerana ia merupakan unit pentadbiran yang paling kecil dalam negara Thailand. Tambon yang dipilih ini adalah Tambon Bangpho yang terletak dalam Amphoe Muang, Changwat Narathiwat. Tambon Bangpho ditadbirkan oleh seorang *kamnan* (penghulu) dan mengandungi lapan buah *mubaan* (kampung). Segala aktiviti masyarakat dan pentadbiran kerajaan dapat dilihat di peringkat tambon.

Walau bagaimanapun, peringkat tambon masih merupakan skop kawasan luas dan penduduk yang ramai. Dengan ini kawasan kajian yang ditumpukan hanyalah sebuah *mubaan* sahaja. *Mubaan thi saam* (Kampung ke-3) atau juga dipanggil *Baan Kok Sumut* adalah terletak dalam Tambon Bangpho. *Mubaan* ini telah dipilih setelah dibuat pertimbangan dengan teliti.

Pertama, keseluruhan penduduk *mubaan* ini adalah masyarakat Melayu yang beragama Islam. Dengan fokus kajian terhadap masyarakat Melayu di Selatan Thailand, *mubaan* ini sesuai bagi melihat sosioekonomi masyarakat tanpa dipengaruhi

oleh masyarakat Thai. Kajian ke atas Selatan Thailand menjadi menarik kerana wujud negeri-negeri Melayu yang berada di bawah pentadbiran Siam. Fenomena ini adalah kesan dari perjanjian Bangkok yang ditandatangani dalam tahun 1909. Ekoran dari apa yang berlaku pada masa dahulu, masyarakat Melayu di sini semakin tersisih daripada perkembangan politik, peradaban dan dunia Melayu di rantau ini.

Kedua, penduduk *mubaan* ini telah mengusahakan penanaman padi untuk tujuan saradiri sejak berzaman lagi. Dengan ini, dapat dikesan segala aktiviti penanaman dan ritual yang terlibat adalah sejak turun temurun lagi.

Ketiga, adalah difikirkan sangat sesuai untuk memilih satu kawasan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang dikatakan mewakili aktiviti ekonomi terpenting masyarakat luar bandar di Selatan Thailand iaitu padi dan getah. Penelitian keadaan ini bertujuan melihat aktiviti penanaman padi yang mereka jalankan adalah untuk saradiri di samping melakukan aktiviti ekonomi yang lain bagi mendapatkan sumber pendapatan.

Lokasi ini merupakan sebuah *mubaan* yang terletak kira-kira 20 km dari bandar Narathiwat. Bandar Narathiwat merupakan bandar tumpuan untuk tujuan rasmi kerana kebanyakan pejabat-pejabat kerajaan berpusat di sini. Bandar ini menjadi tumpuan untuk membeli belah dan menyambut keramaian pada tiap-tiap tahun sempena lawatan diraja ke Bahagian

Selatan.

Sebatang jalan raya dari Bandar Sungai Kolok ke Bandar Narathiwat yang melalui pinggir *mubaan* ini adalah jalan perhubungan utama bagi penduduk *Baan Kok Sumut*. Dalam *mubaan* ini tidak disediakan perkhidmatan bas (dalam panggilan tempatan disebut *kereta kosong*) atau kereta sewa yang juga disebut *kereta bodi*, oleh itu penduduk hanya menggunakan motosikal tambang dengan kadar 10 *Baht* untuk keluar ke jalan besar atau berjalan kaki sahaja.

Pusat tumpuan bagi penduduk *Baan Kok Sumut* ini selain dari Bandar Narathiwat, adalah Pekan Batas Baru (atau dalam Bahasa Thai dipanggil Maknangtayo), Tanjung Mas (Tanyong Mat) dan Pekan Kok Ta (Sungai Padi). Untuk tujuan harian, penduduk *tambon* lebih kerap ke Batas Baru kerana pekan ini lebih dekat dan di sini diadakan pekan sehari atau dipanggil *nat*. Pekan *nat* ini diadakan pada setiap hari Isnin dari jam tujuh pagi hingga 12 tengahari. Pekan ini menyediakan pelbagai keperluan harian untuk dapur, pakaian, peralatan pertanian dan buah-buahan. Pekan seperti Tanjung Mas dan Sungai Padi hanya menjadi tumpuan pada musim buah-buahan sahaja kerana mereka akan membawa hasil buah-buahan untuk dijual kepada pemborong di pekan tersebut.

Aktiviti ekonomi majoriti masyarakat *Baan Kok Sumut* adalah menoreh getah dan menanam padi serta mengutip hasil-hasil dari pokok buah-buahan di sekeliling rumah. Aktiviti

penanaman padi dilakukan semusim dalam setahun. Jangkamas kerja sawah ini selama sembilan bulan mulai dari bulan Ogos iaitu apabila musim hujan bermula hingga bulan April tahun berikutnya.

Bilangan penduduk di kawasan kajian *Baan Kok Sumu* adalah 684 orang dengan 120 buah keluarga. Dari 120 ketu keluarga yang diselidiki, didapati sumber pendapatan yang diperolehi adalah pelbagai, sama ada dari sektor pertanian atau bukan pertanian. Berdasarkan soal selidik yang dibuat aktiviti-aktiviti pendapatan penduduk di sini boleh dibahagikan kepada beberapa kategori. Sejumlah 90 ketu keluarga atau 75.0% mendapat sumber pendapatan utama daripada menoreh getah. Sejumlah 12 orang atau 10.0% makan gaji dengan kerajaan. Seramai 10 orang atau 8.3% berniaga secara kedurian dan peraih. Seramai lima ketua keluarga atau 4.2% pekerja kilang dan tiga orang lagi atau 2.5% adalah pekerja bebas dalam bentuk mengambil upah.

Dari 120 buah keluarga ini, 77 keluarga melakuka aktiviti penanaman padi secara sambilan sebagai aktiviti subsisten atau saradiri, manakala 43 ketua keluarg selebihnya tidak menanam padi. Walau bagaimanapun, daripada 43 keluarga ini, hanya 15 ketua keluarga yang membeli beras dari kedai kerana tidak mempunyai tanah atau jika ada bendang mereka tidak dikerjakan. Sejumlah 28 keluarg selebihnya, bendang mereka dikerjakan oleh orang lain da-

hasilnya dibahagi dua atau bahagi tiga mengikut persetujuan. Pembelian beras hanya dilakukan sekali-sekala bagi menampung keperluan terutama jika ada sesuatu upacara kenduri.

1.4 Methodologi kajian

Bagi mencapai tujuan kajian ini, penyelidikan telah dibuat dalam satu pusingan penanaman padi dalam musim penanaman tahun 1995/96. Pengkaji berada di lokasi kajian selama sembilan bulan dengan memilih masa sebelum proses penanaman padi bermula sehingga sedikit masa selepas penuaian padi. Kajian yang dijalankan ini lebih berbentuk kajian ethnografi disebabkan komuniti yang dikaji adalah kecil iaitu dalam sebuah *mubaan* sahaja. Dalam membuat penyelidikan ini, beberapa kaedah pengumpulan data telah digunakan. Antara kaedah-kaedah yang telah digunakan termasuklah:

(a) **Pemerhatian ikut-serta.** Kaedah ini dianggap sebagai kaedah yang rasional oleh mana-mana pengkaji dalam bidang antropologi. Kaedah ini merupakan salah satu daripada kaedah yang paling popular untuk mengkaji kehidupan sosial kerana ia memberi maklumat yang dapat dilihat dan pendedahan semasa mengenai perkara yang hendak diselidik. Setengah-setengah penyelidik sosioekonomi berpendapat bahawa untuk mengenali kumpulan manusia memerlukan pemerhatian yang lama dari pagi hingga ke malam untuk satu jangkamasa yang panjang,

seperti berbulan-bulan. Oleh itu mereka berusaha tinggal bersama subjek di tempat kediaman subjek sambil memerhati tingkah laku subjek dalam segala hal kehidupan.²⁰

Maklumat yang diperolehi dari kaedah ini merupakan sumber utama bagi menjelaskan keadaan lokasi dan komuniti di tempat tersebut. Kaedah ini dibuat secara deskriptif tetapi sangat mendalam kerana pengkaji berpeluang memerhatikan kegiatan harian anggota masyarakat yang hendak dikaji. Pengkaji telah tinggal bersama sebagai salah seorang anggota masyarakat di sini selama sembilan bulan iaitu bermula dari Jun 1995 hingga April 1996. Pengkaji telah merekodkan segala kejadian semasa yang berlaku dan tidak begitu bergantung kepada kesanggupan responden untuk memberi maklumat. Antara perkara yang menjadi tumpuan adalah persekitaran lokasi dan anggota masyarakat itu sendiri. Begitu juga terhadap kegiatan seharian mereka seperti masa bekerja, berehat dan penanaman padi yang mereka jalankan. Dengan menjadi salah seorang anggota masyarakat tersebut, pengkaji mendapat maklumat yang terkini dan tepat.

Selain dari lawatan utama yang dilakukan, pengkaji juga telah membuat lawatan bagi kali kedua pada awal bulan Mac hingga berakhir bulan April 1997. Pengkaji telah tinggal di lokasi ini selama dua bulan untuk melihat perkembangan kajian yang masih belum didapati semasa menjalankan penyelidikan kali pertama.

(b) Temubual peribadi. Selain dari pemerhatian tentang perkara yang hendak dikaji, pada masa yang sama temuramah peribadi juga telah dilakukan. Kaedah ini sangat sesuai dengan kajian kemasyarakatan seperti ini kerana pengkaji berada di lokasi kajian. Kaedah temubual ini dijalankan secara tidak formal serta disesuaikan mengikut perwatakan, minat dan kecenderungan informan. Melalui kaedah ini pengkaji mendapat maklumat mengenai sikap, harapan dan keadaan seseorang anggota masyarakat yang dipilih. Kebolehpercayaan jawapan yang diberikan dapat dinilai dengan memerhatikan keadaan sekeliling seperti keadaan rumah dan bilangan isirumah.

Pemilihan masa untuk sesi temubual telah dibuat mengikut kesesuaian masa informan. Kebanyakan temubual dibuat pada waktu malam, semasa pengkaji membuat lawatan dari rumah ke rumah. Masanya bermula selepas sembahyang Isyak. Masa ini paling sesuai kerana informan telah makan malam dan sedang berehat. Selain di rumah, tempat-tempat lain juga diadakan sesi temubual jika berkesempatan seperti kedai kopi dan masjid.

Walaupun sesi temubual dijalankan secara tidak formal, pengkaji telah membuat perancangan lebih awal. Antara lain, pengkaji terlebih dahulu menulis apakah maklumat-maklumat yang perlu diperolehi dari responden dalam buku

catatan sebagai panduan. Pengkaji menentukan rumah-rumah yang akan dilawati secara susunan, bermula dari rumah yang paling pedalaman hingga ke rumah yang paling hampir dengan jalan utama. Susunan telah dibuat secara berjadual sehingga semua rumah di *mubaan* ini dilawati.

Walau bagaimanapun, kaedah ini sahaja tidak mencukupi kerana banyak lagi maklumat yang tidak diperolehi. Untuk itu, pengkaji juga telah menggunakan kaedah yang lebih formal iaitu pengedaran borang soal selidik. Maklumat-maklumat yang diperolehi dari kaedah ini lebih ditekankan kerana ia telah disusun meliputi segala keperluan kajian.

(c) Penggunaan borang soal selidik. Kaedah borang soal selidik telah digunakan selepas penduduk *Mubaan thi saam* selesai menuai padi. Dalam menjalankan kajian ini pengkaji telah memilih semua rumah yang ada di *mubaan* itu kerana bilangannya kecil iaitu berjumlah 100 buah sahaja. Semua 120 orang ketua rumah menjadi responden bagi menjawab persoalan dalam borang soal selidik. Pengumpulan data mengambil masa selama dua bulan. Kaedah ini dijalankan sendiri oleh pengkaji, mengikut kesesuaian masa ketua rumah. Semua data yang diperlukan telah disusun dengan teliti di dalam borang soal selidik. Antaranya ialah maklumat peribadi ketua rumah, isirumah, pemilikan tanah dan aktiviti sumber pendapatan. Maklumat yang berkaitan penanaman padi seperti keluasan

tanah, jenis padi, jumlah benih, perbelanjaan dan hasil padi yang telah digunakan dan perolehi bagi penanaman pada tahun tersebut juga telah dimuatkan di dalam borang tersebut.

Responden untuk setiap buah rumah ini hanya dihadkan kepada ketua rumah dan isterinya sahaja. Isteri kepada tuan rumah dianggap layak untuk memberikan maklumat yang dikehendaki kerana dalam kehidupan sesebuah keluarga, kedua-dua suami dan isteri terlibat, terutama sekali berkaitan dengan aktiviti penanaman padi. Dengan demikian kedua-dua jenis responden ini diterima dalam memberikan maklumat yang diperlukan. Jika terdapat rumah-rumah yang tidak berpenghuni, pengkaji meninggalkan rumah tersebut buat sementara dan meneruskan pengkajian ke rumah-rumah yang lain. Setelah penghuninya balik, pengkaji akan kembali mendapatkan maklumat dari beliau. Jika tidak berkesempatan untuk berjumpa, pengkaji akan mendapatkan maklumat daripada jiran-jiran yang berdekatan. Walaupun maklumat ini diperolehi daripada orang lain, ia adalah 'reliable' kerana sikap bermasyarakat antara mereka sangat kuat dan mereka sering berbincang dalam segala hal kehidupan. Lagipun, keadaan rumah dan tanah sawah mereka yang berdekatan dan selalu diperhatikan membolehkan mereka mengenali dan mengetahui keadaan sosioekonomi jiran-jiran.

(d) **Sumber-sumber sekunder.** Maklumat berkaitan

dengan kajian juga telah diperolehi dari sumber-sumber sekunder seperti buku, laporan tahunan, akhbar dan risalah-risalah. Kaedah 'kajian perpustakaan' ini telah dijalankan di beberapa jabatan kerajaan di Thailand. Antara tempat-tempat tersebut adalah di *Samnakngan Kanpatthana Tambon Bangpho, Anamai Tambon Bangpho, Samnakngan Kankaset Amphoe Muang Narathiwat, Witayalai Kankaset Changwat Narathiwat* di *Baan Paphai, Sun Amphoe Muang Narathiwat, Pikunthong Study Centre* di *Amphoe Muang Narathiwat, Samnakngan Kongthun Sungkrop Karntham Suanyaang, Amphoe Muang Narathiwat, Satani Toklong Kau Pattani* (yang terletak di *Amphoe Khok Pho*). Kajian turut dilakukan di beberapa tempat di Malaysia seperti di Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan juga Kedutaan Thailand di Kuala Lumpur.

1.5 Kajian-kajian terdahulu

Terdapat banyak kajian yang pernah dibuat mengenai sektor ekonomi Thailand. Setiap hasil kajian ini, jika tidak keseluruhanpun, sekurang-kurangnya akan menyentuh secara sepantas lalu mengenai kegiatan penanaman padi. Antara penulis terbabit adalah James C. Ingram²¹ dan Lysa Hong.²² Kedua-dua mereka telah membincangkan perubahan-perubahan besar yang berlaku dalam ekonomi Thailand sejak negara itu terdedah kepada pengaruh perdagangan dunia pada pertengahan

abad ke-19. Kajian mereka ini walaupun menyentuh kegiatan ekonomi secara keseluruhan, namun begitu tumpuan utama telah diberikan kepada aktiviti penanaman padi untuk eksport dan peranan kerajaan dalam pembangunan industri padi.

Chira Charoenloet²³ juga membincangkan mengenai perubahan ekonomi padi Thailand. Walau bagaimanapun, perbincangan yang dibuat adalah dalam konteks masa yang lebih terkemudian iaitu pada awal tempoh selepas Perang Dunia ke-2. Melalui karyanya tentang evolusi ekonomi Thailand beliau meneliti perubahan yang berlaku terhadap sektor ekonomi di Thailand dalam jangkamasa 10 tahun sebelum Rancangan Ekonomi Nasional dilaksanakan. Beliau menekankan kepada pembangunan sektor pertanian dengan fokus utama kepada sektor penanaman padi serta peranan kerajaan dalam merancang polisi untuk meningkatkan pengeluaran padi negara. Beliau telah mempamerkan usaha kerajaan Thailand untuk membangunkan sektor perindustrian yang kebanyakannya berasaskan pertanian dengan melihat kepada peranan infrastruktur, corak perdagangan antarabangsa, dasar kewangan dan fiskal dalam usaha untuk meningkatkan ekonomi negara.

Abha Sirivongs Na Ayuthaya²⁴ pula menulis mengenai sosioekonomi sebuah kawasan di Bahagian Utara Thailand. Beliau melihat keadaan sosioekonomi luar bandar dalam *Changwat Chiengmai* dengan memberi fokus kepada tiga *mubaan*. Dalam kajian ini, apa yang dilihat adalah dari sudut sosial,

seperti interaksi dan perhubungan komuniti tersebut dalam penyediaan tenaga buruh pertanian. Permasalahan dalam penanaman padi juga difokuskan. Ini berkaitan dengan masalah petani yang tidak dapat menggunakan input pertanian moden kerana ketiadaan sistem pengairan. Penanaman padi di kawasan ini, yang hanya menggunakan bekalan air dari sistem tradisional *muang-fai* tidak dapat mendatangkan lebihan hasil yang banyak untuk pasaran. Kajian beliau ini juga meliputi aspek pemilikan tanah, dan hubungannya dengan pendapatan keluarga tani. Beliau mendapati semakin sedikit tanah sawah yang dimiliki oleh seseorang petani, semakin besar pergantungan pendapatan mereka hasil dari kegiatan lain.

L.J. Sharpe²⁵ dan L.M Hanks²⁶ pula masing-masing mengkaji mengenai kehidupan sosial dalam komuniti luar bandar di Thailand dan ekologi pertanian di Asia Tenggara. Kedua-duanya menggunakan pendekatan sejarah bagi meneliti kedudukan ekonomi dan masyarakat di Thailand pada awal abad ke-19 hingga Perang Dunia ke-2. Kajian kedua-dua sarjana tersebut berasaskan pengalaman sebuah kampung di Dataran Meanam Chao Phraya. L.J. Sharpe dan L.M Hanks telah memperlihatkan bagaimana kesan permintaan pasaran yang tinggi terhadap beras telah mengubah pandangan geografi Thailand dari kawasan hutan dan belukar sebelum tahun 1850 kepada kawasan penanaman padi yang luas selepas tarikh tersebut.

Thawisin Supwathana²⁷ juga membawa isu yang sama

dengan melihat peningkatan pengeluaran padi di kawasan Dataran Meanam Chao Phraya. Kajian beliau memfokuskan kepada kawasan pengeluaran padi di Ayuthaya. Beliau melihat perubahan yang drastik guna tenaga buruh yang berlaku di Ayuthaya sejak dari awal abad ke-19 lagi. Penggunaan tenaga buruh upahan secara langsung telah berjaya memenuhi permintaan beras untuk ekport disebabkan aliran migran yang bermusim dari *Isan* atau Bahagian Timur Laut Thailand ke Ayuthaya. Pembukaan kawasan padi di Ayuthaya dan Rangsit telah menjadi sasaran migrasi buruh *Isan* pada masa tersebut.

Pengkajian yang jelas mengenai aspek kegiatan penanaman padi di Thailand adalah oleh Shigeharu Tanabe²⁸ dalam bukunya tentang ekologi dan teknologi pertanian. Dalam buku ini, Profesor Tanabe menjalankan kajian secara perbandingan di dua tempat yang berlainan yang mengamalkan dua sistem penanaman yang berlainan; satu yang dikenali sebagai Sistem Lembangan (Bahagian Utara Thailand) dan satu lagi yang kenali sebagai Sistem Delta (Bahagian Tengah Thailand). Kajian ini dibuat dalam dua buah kampung iaitu Mei Rim dalam *Changwat Chiengmai* yang penanaman padinya bercorak intensif saradiri. Purata keluasan tanah yang dikerjakan dalam kawasan Sistem Lembangan ini adalah kecil, lebih kurang 6.3 *rai* setiap keluarga. Sistem penanaman padi di sini sangat bergantung kepada teknologi pengairan yang dibuat oleh anggota masyarakat. Sistem pengairan yang

berskel kecil menggunakan kuasa graviti untuk pengaliran air ini dipanggil *muang-fai*. Melalui sistem ini, air dari empangan yang dibina akan mengalir ke dalam *muang* (parit) menuju ke dalam sawah.

Di sebaliknya, Ayuthaya (Bahagian Tengah Thailand) dalam kawasan Delta Chou Phraya yang luas membolehkan penanaman padi dilakukan secara ekstensif dengan bantuan projek pengairan berskel besar yang disediakan oleh kerajaan. Delta ini disaliri oleh air dari empangan 'Greater Chou Phraya Project' (mencakupi keluasan 7,186,500 rai) dan 'Greater Meklong Project' (2,518,000 rai). Dengan adanya klong (saliran) yang teratur, masalah banjir telah dapat dikawal. Para petani dapat mengerjakan tanah yang luas dalam lingkungan 22.2 rai bagi setiap keluarga. Tanabe juga dapat menghuraikan bahawa antara kedua-dua sistem penanaman ini, wujud keadaan hubungan sosial yang lebih longgar dalam kawasan Delta Chou Phraya.

Kirkkiat Pipatseritham²⁹ dengan bukunya mengenai revolusi petani, mengkaji perubahan sistem pemilikan tanah di empat wilayah di Bahagian Tengah Thailand. Dalam kajiannya, beliau melihat keadaan pemilikan tanah antara tahun 1948 hingga 1969 secara perbandingan. Dari kajian ini, beliau mendapati jumlah pemilik tanah meningkat di tiga wilayah sedangkan satu wilayah (Phatumthani) tidak meningkat. Kebanyakan dari pemilik tanah di Phatumthani ini adalah

individu yang kaya, kerabat diraja, pegawai atasan dan ahli beberapa syarikat besar. Walau bagaimanapun, pemilik yang terbesar adalah keturunan keluarga diraja Siam yang mewarisi dari sistem *thidin sapsin suan phramahakasat* (semua tanah adalah milik raja). Tanah adat yang dipanggil *na luang* (sawah diraja) ini sebahagian besarnya telah disewakan kepada petani individu mengikut Undang-undang Harta Diraja. Walau bagaimanapun menjelang tahun 1970-an, sebahagian besar dari *na luang* ini telah diserahkan kepada Pejabat Reformasi Tanah untuk Pertanian. Ini terjadi hasil dari bangkitnya pergerakan petani yang tidak mempunyai tanah dan sering tertindas oleh golongan tuan tanah.

Kajian yang khusus kepada bahagian Selatan Thailand pula lebih melihat kepada bidang lain, tidak banyak menjurus kepada sektor padi. Antaranya adalah kajian yang pernah dibuat oleh Thomas M. Frazer Jr.³⁰ Kajian tersebut adalah mengenai sebuah masyarakat Melayu di sebuah kampung yang bernama Rusembilan, dalam Wilayah Pattani. Dalam kajian ini Frazer telah memfokuskan kepada masyarakat pinggir pantai dan mengupas bagaimana mereka menyesuaikan corak kehidupan dengan keadaan ekologi semulajadi. Kajian ini menekankan kepada kegiatan nelayan-nelayan kecil di Rusembilan dan bagaimana kegiatan penangkapan ikan dijalankan. Sungguhpun kawasan ini merupakan komuniti nelayan tetapi dalam bab dua diterangkan dengan jelas pergantungan dengan ekonomi daratan seperti padi

dan getah. Kegiatan penanaman padi sebagai kegiatan ekonomi kedua perlu dilakukan. Ini kerana dalam musim angin monsun, ribut dan petir serta hujan akan turun dengan lebat, tidak membolehkan mereka turun ke laut untuk menangkap ikan. Beliau mempamerkan bahawa kegiatan penanaman padi merupakan satu aktiviti yang tidak boleh diabaikan.

Dari beberapa contoh kajian oleh sarjana-sarjana tersebut, ramai yang menumpukan kepada penanaman padi di kawasan pengeluarannya untuk tujuan komersial, dan hanya sedikit sahaja yang melihat kepada penanaman padi bagi kawasan saradiri. Apa yang mereka lihat adalah satu kawasan yang kebanyakannya masyarakatnya memang bergantung kepada aktiviti penanaman padi. Sebahagiannya pula memfokuskan kepada penggunaan teknologi moden dan sektor pemasaran padi di Thailand.

Kajian di *Mubaan thi saam* ini agak berlainan kerana telah meneliti aktiviti penanaman padi di satu kawasan yang bukan kawasan pengeluaran padi utama di Thailand. Sebahagian besar dari anggota masyarakatnya seolah-olah tidak boleh hidup tanpa menanam padi walaupun mereka mempunyai pekerjaan lain yang mendatangkan sumber pendapatan. Aktiviti penanaman padi yang mereka lakukan ini adalah sumber makanan utama kepada mereka. Kepentingan kajian ini adalah memberi pendedahan terhadap penilaian masyarakat tani di kawasan luar bandar dari hal aktiviti penanaman padi yang mereka jalankan.

Bagi mereka, tanaman padi sangat besar nilainya walaupun tidak dapat dinyatakan dalam istilah kewangan.

1.6 Masalah-masalah dalam menyiapkan pengkajian

Dalam menyiapkan thesis ini beberapa masalah terpaksa diatasi oleh pengkaji. Masalah pertama adalah bagi mendapatkan bahan-bahan bertulis mengenai masyarakat di Thailand kerana sebahagian besar bahan yang diperlukan ditulis dalam bahasa Thai. Begitu juga dari segi komunikasi, di mana kebanyakan pegawai kerajaan hanya tahu berkomunikasi dalam Bahasa Thai dan tidak boleh berbahasa Inggeris atau Melayu. Ini telah menimbulkan sedikit masalah untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian sungguhpun pengkaji boleh berbahasa Thai. Walau bagaimanapun masalah ini dapat diatasi kerana pengkaji telah mendapat khidmat seorang pegawai Imigresen Thailand yang berketurunan Melayu bagi menterjemah bahan-bahan kajian tersebut.

Masalah yang kedua adalah bagi mendapatkan kepercayaan masyarakat di kawasan kajian. Pada permulaannya pengkaji telah disalah anggap sebagai seorang perisik yang dihantar oleh kerajaan Malaysia bagi mendapatkan maklumat mengenai Thailand. Walaupun pengkaji telah menerangkan tujuan sebenar kedatangan ke *mubaan* tersebut tetapi agak sukar untuk penduduknya menerima kehadiran pengkaji. Anggapan yang dibuat oleh penduduk *mubaan* ini sebenarnya sedikit

sebanyak menggugat keselamatan pengkaji. Namun begitu setelah beberapa bulan tinggal di mubaan tersebut, penduduknya mula memahami tujuan kedatangan pengkaji dan mula memberikan kerjasama seperti yang diharapkan.

Masalah yang terakhir dan yang paling mencabar terpaksa dihadapi oleh pengkaji adalah dari segi keselamatan. Sepanjang tempoh pengkaji berada di lokasi kajian telah berlaku 10 kes senjata api yang melibatkan orang tempatan dan orang Malaysia. Satu kes samun dipertengahan jalan yang mana jalan ini sering digunakan oleh pengkaji untuk berulang-alik ke Malaysia. Dua kes mati ditembak di hadapan rumah yang dipercayai berpunca dari perselisihan faham dan dua kes tembakan akibat dari perasaan dendki. Beberapa kes lagi adalah memusnahkan sekolah-sekolah dan pondok telefon dengan menggunakan bom. Mengikut pendapat orang tempatan ini adalah untuk melahirkan perasaan tidak puas hati di kalangan puak pemberontak Pembebasan Pattani. Satu kes terbaru adalah melibatkan enam orang ditembak di dalam masjid dalam kawasan Muang Narathiwat yang mengakibatkan tiga mati dan tiga cedera terkena peluru sesat. Punca kes ini dikatakan sebagai membala dendam. Peristiwa-peristiwa ini begitu menggugat perasaan pengkaji sehingga kajian ini selesai. Walau bagaimanapun dengan nekad dan azam yang kuat semua ini telah dapat diatasi dengan tenang.

NOTA HUJUNG:

¹ Frank and Ann Darling; **Thailand: The Modern Kingdom**, Tien Wah Press Ltd., Singapore, 1971, hal. 24

² **Agricultural Statistics of Thailand Crop Year 1992/93**, Office of Agricultural Economics, Ministry of Agricultural and Co-operatives, Bangkok, Thailand, 1993, hal. 28

³ **Ibid.**, hal. 29

⁴ David Davies; **Thailand: Rice Bowl of Asia**, Redwood Press Ltd., London, Great Britain, 1973, hal. 30

⁵ Valentine Chu; **A Visit to Modern Thailand**, Thomas Y. Crowell Co., New York, USA, 1968, hal. 19

⁶ Donald F. Fryer; **Asia Tenggara yang Sedang Membangun**, (Terjemahan Rajnah Alipitchai), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, 1979, hal. 199

⁷ Steve Van Beek; **The Chao Phraya: River in Transition**, Oxford University Press, USA, 1995, hal. 141

⁸ **Ibid.**, hal. 141

⁹ **Ibid.**, hal. 143

¹⁰ Toshiro Matsuda; "Intensification of Land Use and Rice Farming in Thailand" dalam **Thai Rice Farming in Transition**, World Planning Co. Ltd., Tokyo, Japan, 1990, hal. 181

¹¹ Shigeharu Tanabe; **Ecology and Practical Technology: Peasant Farming Systems in Thailand**, White Lotus Co. Ltd., Bangkok, Thailand, 1994, hal. 11

¹² Agricultural Statistics of Thailand, **Op.Cit.**, hal. 8-18

¹³ Frank and Ann Darling; **Op.Cit.**, Hal. 66

¹⁴ Robert L. Pendleton; **Thailand: Aspects of Landscape and Life**, Duell, Sloan and Pearce Co., New York, USA, 1963, hal. 154

¹⁵ Raymond Firth; **Malay Fishermen: Their Peasant Economy**, Routhledge and Keegan Paul Ltd., London, Great Britain, 1966, hal. 87

- ¹⁶ Robert Redfield; **Peasant: Society and Culture**, The University of Chicago Press, Chicago, USA, 1956, hal. 56
- ¹⁷ Eric Wolf; **Peasant**, Prentice Hall, London, Great Britain, 1966, hal. 4
- ¹⁸ Teodor Shanin; "Peasant as a Political Factor" dalam **Peasant and Peasant Society**, Hazel Watson and Viney Ltd., Aylesbury, Great Britain, 1973, hal. 240
- ¹⁹ Wan Hasyim Wan The; **Petani dan Persoalan Agraria**, Fajar Bakti Sdn.Bhd., Shah Alam, Selangor, 1984, hal. 29
- ²⁰ Ahmad Mahdzan Ayob; **Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi**, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, 1992, hal. 53
- ²¹ James C.Ingram; **Economic Change in Thailand Since 1850**, Stanford University Press, California, USA, 1955.
- ²² Hong Lysa; **Thailand in Nineteenth Century: Evolution of The Economic and Society**, Southeast Asian Studies, Singapore, 1971
- ²³ Chira Charoenloet; **The Evolution of Thailand's Economy (1950-1960)**, Thai Watana Panich Press Ltd., Bangkok, Thailand, 1971
- ²⁴ Abha Sirivongs Na Ayuthaya; **Village Chiengmai: Social and Economic Condition of a Rural Population in Northern Thailand**, Chulalongkorn University Press, Bangkok, Thailand, 1978
- ²⁵ L.J.Sharpe; **Bang Chan: Social History of a Rural Community in Thailand**, Cornell University Press, New York, USA, 1978
- ²⁶ L.M.Hanks; **Rice and Man: Agricultural Ecology in Southeast Asia**, Aldine Atherton, Chicago, USA, 1972
- ²⁷ Thawisin Supwatthana; "Kanpalit Lek Kanka Kau Nai Paak Klang Tangtee Ratchasamai Phrabat Somdet Phra Chumlachom Kiao Chaoyuhua Ratchakarn Thi-5 Chongtung Ratchasamai Phrabat Somdet Phra Pokklae Chaoyuhua Ratchakarn Thi-7" (Pengeluaran dan Perdagangan Padi di Wilayah Tengah dari Zaman Pemerintahan Rama-5 hingga zaman Pemerintahan Rama-7), Thesis M.A, Chulalongkorn University Press, Bangkok, Thailand, 1978

²⁸ Shigaharu Tanabe; **Ecology and Practical Technology: Peasant Farming Systems in Thailand**, White Lotus Co.Ltd., Bangkok, Thailand, 1994

²⁹ Kirkiat Pipatseritham; **Chaona Kap Thidin: Pathiwat re Pathirup (Petani dan Tanah: Revolusi atau Reformasi)** Duang Kamol Co., Bangkok, Thailand, 1977.

³⁰ Thomas M. Frazer Jr.; **Fishermen of Southern Thailand: The Malay Villagers**, University of Massachusetts, USA, 1966